

10

Tun Perak Bendahara Terbilang

Jawab semua soalan.

1. Tun Perak berasal daripada keluarga pembesar. Bapa Tun Perak juga pernah menjadi Bendahara Melaka.

BUKU
TEKS
ms. 140
- 141

- (a) Apakah **dua** jawatan yang pernah disandang oleh Tun Perak sebelum menjadi Bendahara Melaka?

Mengingat Tajuk 5 Aras S [2 markah]

- (b) Pada pendapat anda, mengapakah peranan Tun Perak masih dikenang sehingga kini?

Menilai Tajuk 5 Aras T [3 markah]

2. Semasa Tun Perak menjadi bendahara, Kesultanan Melayu Melaka berjaya mencapai zaman kegemilangannya.

BUKU
TEKS
ms. 142
- 143


- (a) Apakah **dua** peranan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka?

Mengingat Tajuk 5 Aras S [2 markah]

- (b) Jelaskan iktibar yang diperolehi dengan mempelajari peranan Tun Perak.

Menilai Tajuk 5 Aras T [3 markah]

Peta di bawah menunjukkan empayar Kesultanan Melayu Melaka.



- (a) Apakah kerajaan-kerajaan yang berjaya dikuasai oleh Melaka semasa pentadbiran Tun Perak?

Mengingat Tajuk 5 Aras S [1 markah]

- (b) Pelbagai nilai yang boleh dicontohi daripada peranan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka dalam menjalankan pentadbiran.

Apakah tugas Tun Perak sebagai Ketua Pembesar?


Mengingat Tajuk 5 Aras S [2 markah]

- (c) Jelaskan strategi Tun Perak dalam mengekalkan keamanan dan menjamin keselamatan Melaka.

Menganalisis Tajuk 5 Aras T [2 markah]

4. Tun Perak bijak memainkan peranannya dalam perkembangan agama Islam.

BUKU
TEKS
m.s
147



(a) Apakah peranan Tun Perak dalam perkembangan agama Islam di Melaka?

Mengingat Tajuk 5 Aras S [2 markah]

(b) Pada pendapat anda, apakah kepentingan agama kepada kita?

Menganalisis Tajuk 5 Aras S [3 markah]

5. Tun Perak mempertahankan Kesultanan Melayu Melaka dalam peristiwa destar Raja Muhammad terjatuh setelah terkena bola raga yang disepak oleh Tun Besar.

BUKU
TEKS
m.s 146
- 148

(a) Jelaskan aspek-aspek yang menunjukkan kebijaksanaan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka.

Memahami Tajuk 5 Aras S [3 markah]

(b) Berdasarkan peristiwa di atas, apakah pengajaran yang boleh diambil sebagai seorang murid?

Menalar Tajuk 5 Aras T [2 markah]

Hang Tuah Laksamana Terbilang

Jawab semua soalan.

1. Hang Tuah merupakan tokoh terbilang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

BUKU
TEKS
m.s.
156

(a) Siapakah Hang Tuah?


Mengingat Tajuk 5 Aras S [2 markah]

(b) Jelaskan kesan daripada peristiwa keberanian Hang Tuah.

Menilai Tajuk 5 Aras T [3 markah]

2. Ilustrasi di bawah menunjukkan peranan Hang Tuah sebagai utusan Melaka.

BUKU
TEKS
m.s.
162



Hang Tuah mengadap Maharaja China


(a) Apakah negara yang pernah dilawati Hang Tuah semasa menjadi utusan Melaka?

Mengingat Tajuk 5 Aras S [2 markah]

(b) Pada pendapat anda, mengapakah negara kita perlu mengadakan hubungan baik dengan negara lain?

Menganalisis Tajuk 5 Aras T [3 markah]

3. Hang Tuah terkenal kerana sifatnya yang berani dan bertanggungjawab. Selain itu, Hang Tuah juga seorang yang sangat taat dan setia kepada sultan.



(a) Apakah **dua** peristiwa yang menunjukkan kesetiaan Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka?

Mengingat Tajuk 5 Aras S [2 markah]

(b) Pada pendapat anda, apakah kualiti diri Hang Tuah yang perlu ada dalam diri seorang murid?

Mengaplikasi Tajuk 5 Aras S [3 markah]

4. Pantun berikut berkaitan dengan kewibawaan Hang Tuah.



Burung pipit terbang berkawan,
Terbang berkawan dalam taman;
Musuh durjana habis dilawan,
Amanlah negeri sepanjang zaman.

(a) Apakah kepentingan mempertahankan kedaulatan negara?

Menganalisis Tajuk 5 Aras S [2 markah]

(b) Cadangkan cara untuk menerapkan sikap kepemimpinan tokoh silam dalam kalangan murid sekolah pada hari ini.

Mencipta Tajuk 5 Aras T [3 markah]